

13/08/1998

PM pengerusi mesyuarat khas pelabuhan

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet memutuskan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat khas di antara semua pihak yang terbabit dalam operasi pelabuhan di negara ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata mesyuarat itu akan menemukan semua pihak terbabit, termasuk pengeksport, pengusaha syarikat perkapalan, pihak berkuasa, kementerian dan kerajaan negeri.

Beliau berkata, tarikh mesyuarat itu, yang akan meningkatkan usaha promosi pelabuhan tempatan, akan ditentukan Jabatan Perdana Menteri tidak lama lagi.

"Dr Mahathir bersetuju untuk mempengerusikan mesyuarat pelbagai agensi itu, supaya kita boleh menggariskan strategi utama untuk menggerakkan kempen penggalakan penggunaan pelabuhan tempatan.

"Sehubungan itu, saya ingin meminta kerjasama semua pihak terbabit untuk memainkan peranan masing-masing dengan memberi sokongan sepenuhnya ke arah menjayakan usaha ini," katanya selepas menghadiri mesyuarat Kabinet, di sini hari ini.

Ketika ini, katanya, hampir 40 peratus daripada kegiatan import dan eksport syarikat Malaysia dikendalikan di Pelabuhan Singapura, yang turut menarik sebahagian besar syarikat perkapalan utama.

Dr Ling berkata, usaha menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat muatan utama kargo di rantau ini menggantikan Pelabuhan Singapura kini dipertingkat dengan pembabitan secara terus Perdana Menteri.

"Usaha itu kini ditingkatkan setapak lagi dengan Kabinet berpendapat ia tidak saja membabitkan pelabuhan dan kementerian, tetapi sebagai satu usaha nasional.

"Pelbagai kementerian dan kerajaan negeri serta pengusaha dan agen perkapalan perlu bekerjasama," katanya.

(END)